

Newspaper	THE STAR
Date	02 JUNE 2017

Tun M pertimbang jadi PM

UM- 2/6/2017 pg. 9

Oleh SYUKRI SHAARI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 JUN

TUN Dr. Mahathir Mohamad mengakui bahawa beliau berkemungkinan terpaksa mempertimbang kembali semula menjadi Perdana Menteri sekiranya itu yang dimahukan oleh kepemimpinan Pakatan Harapan (PH) diketuai DAP.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu membuat kenyataan tersebut ketika sesi soal jawab yang disiarkan secara langsung menerusi akaun Facebook beliau hari ini.

“Saya tidak boleh belakangkan kawan-kawan saya dalam Pakatan Harapan. Kalau mereka mempunyai cadangan yang se-



Saya tidak boleh belakangkan kawan-kawan saya dalam Pakatan Harapan. Kalau mereka mempunyai cadangan yang seperti itu dan ini pula dipersetujui, mungkin saya terpaksa menimbangkannya.”

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD



perti itu dan ini pula dipersetujui, mungkin saya terpaksa menimbangkannya,” kata beliau.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir yang telah mentadbir negara se-

lama 22 tahun bagaimanapun memberitahu, beliau tidak ber-setuju untuk mengisi jawatan itu buat masa ini.

“Saya telah menyatakan, setelah

saya bersara saya tidak akan jadi Perdana Menteri lagi,” jelas beliau.

Pengakuan Dr. Mahathir itu menimbulkan lagi kekeliruan dalam kalangan orang ramai mengenai calon Perdana Menteri daripada Pakatan Harapan yang diketuai DAP.

Pada Konvensyen Nasional PKR bulan lalu, parti tersebut membuat penegasan mahukan Penasihatnya, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri Ketujuh jiks PH berjaya menawan Putrajaya.

Sebelum tu, nama Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang menerajui PKR pernah juga disebut sebagai calon Perdana Menteri, selain nama bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan tidak terkecuali pemimpin PAN, Muhamad Sabu.